



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Malu Melakukan Perkara Negatif

Nilai Teras: Hormat Menghormati

Masa: 1 jam

SK: 1.31 Membaca ayat 70 surah al-An'am dengan betul, lancar dan bertajwid dan merumus kefahaman ayat serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah

SP: 1.31.3 Menjelaskan bentuk perbuatan mempersendakan Islam.
1.31.4 Menjelaskan cara menjaga kesucian Islam.
1.31.5 Menerangkan kesan mempersendakan Islam.

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menyatakan bentuk perbuatan mempersendakan Islam.
2. Menjelaskan cara menjaga kesucian Islam.
3. Menerangkan kesan mempersendakan Islam.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan dan diberi tajuk seperti berikut:
 - (a) Kumpulan 1: Bentuk perbuatan mempersendakan Islam
 - (b) Kumpulan 2: Cara menjaga kesucian Islam
 - (c) Kumpulan 3: Kesan mempersendakan Islam
2. Murid menyediakan bahan pembentangan.
3. Guru menilai hasil pembentangan murid.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan
2. Guru meletakkan keratan isi penting tentang perbuatan mempersendakan Islam di satu tempat berserta lembaran peta minda.
3. Murid dikehendaki memilih keratan yang betul dan sesuai dengan peta minda yang diberi.
4. Guru menilai hasil pembentangan murid.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)